


NOTA EFEKTIF

RAJA BERDAULAT TONGGAK KERAJAAN



1. Sultan atau raja merupakan pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat.
2. Kerajaan bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.
3. Kedudukan raja terletak pada hierarki teratas dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal pada masa dahulu.
4. Raja atau sultan ialah ketua negeri yang mentadbir rakyat dan kerajaan baginda.

PAYUNG NEGERIKU

Negeri	Gelaran
Perlis	Raja
Kedah	Sultan
Perak	Sultan
Selangor	Sultan
Kelantan	Sultan
Johor	Sultan
Pahang	Sultan
Terengganu	Sultan

Negeri	Gelaran
Negeri Sembilan	Yang di-Pertuan Besar
Melaka	Yang di-Pertua Negeri
Pulau Pinang	Yang di-Pertua Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan	Yang di-Pertuan Agong
Sabah	Yang di-Pertua Negeri
Sarawak	Yang di-Pertua Negeri

RAJAKU BERDAULAT

Daulat

1. Lambang kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaannya. Raja atau sultan yang berdaulat mempunyai kewibawaan, sifat peribadi yang unggul dan kebijaksanaan tinggi untuk memerintah.
2. Daulat berasal daripada perkataan Arab iaitu "Daulah" yang bermaksud negeri atau kerajaan.

Derhaka

1. Keingkaran rakyat terhadap titah dan perintah raja atau sultan. Rakyat yang menderhaka akan dikenakan hukuman yang setimpal.
2. Rakyat yang menderhaka akan ditimpa tulah atau bencana.

PERUBAHAN PADA INSTITUSI RAJA



Kerajaan Melayu Awal

- Sultan merupakan ketua kerajaan.
- Sultan berkuasa mutlak.
- Semua keputusan yang berkaitan undang-undang dan pentadbiran, kehakiman dan hubungan diplomatik terletak di tangan sultan.
- Dibantu oleh para pembesar untuk mentadbir kerajaan.

Semasa Pentadbiran British

- Sultan masih kekal sebagai ketua negeri. Tidak mempunyai kuasa mutlak.
- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat untuk negeri yang diperintahnya sahaja.
- Penasihat British telah dilantik untuk mengurus pentadbiran di setiap negeri.


Semasa Pendudukan Jepun

- Sultan masih kekal sebagai ketua negeri. Tidak mempunyai kuasa mutlak.
- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat untuk negeri yang diperintahnya sahaja.
- Gabenor Jepun mengurus pentadbiran negeri-negeri Melayu.


Pemerintahan Pada Masa Kini

- Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
- Kuasa raja atau sultan adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri.
- Pentadbiran negeri diketuai oleh Menteri Besar dan dibantu oleh Majlis Eksekutif.
- Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas merdeka.
- Sembilan orang raja Melayu dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong secara bergilir.
- Pentadbiran negara diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh Jemaah Menteri.

INSTITUSI RAJA DI DUNIA




Bendera Ratu United Kingdom



Bendera Ratu Denmark



Bendera Raja Maghribi



Bendera Yang di-Pertuan Agong